



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2017/2018

- NAMA KURSUS : PENGAJIAN MORAL
- KOD KURSUS : UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/
UWA 10702
- KOD PROGRAM : BBC/ BBE/ BBF/ BDC/ BDD/ BDM/ BEJ/
BEV/ BFF/ BFR/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/
BIW/ BNC/ BND/ BNE/ BNF/ BNM/ BPA/
BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/ BWD/
BWQ/ BWW
- TARIKH PEPERIKSAAN: DISEMBER 2017/ JANUARI 2018
- JANGKA MASA : 2 JAM
- ARAHAN : A) JAWAB **SEMUA** SOALAN DALAM
BORANG OMR YANG DISEDIAKAN.
B) DILARANG MEMBAWA KERTAS
SOALAN INI KELUAR DARI
DEWAN PEPERIKSAAN.

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH TIGA (23)** MUKA SURAT

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S1 Apakah maksud nilai intrinsik?

- A Nilai murni di dalam hati sanubari
- B Nilai mutlak dan tidak akan berubah
- C Nilai yang dikejar demi kepentingan diri sendiri
- D Nilai yang menjadi kebiasaan sesuatu masyarakat

S2 Siapakah yang menetapkan nilai akhlak dalam Islam?

- A Khalifah
- B Allah S.W.T
- C Ulama Islam
- D Nabi Muhammad S.A.W.

S3 Apakah etika yang menilai dan mengkritik sistem moral yang ada pada hari ini?

- A Relatif
- B Normatif
- C Spekulatif
- D Deskriptif

S4 Apakah asas utama kehidupan bermoral manusia?

- A Kepercayaan kepada kitab
- B Kepercayaan kepada tuhan
- C Kepercayaan kepada kehidupan selepas mati
- D Kepercayaan yang teguh terhadap konsep Sekularisme

S5 Apakah maksud perkataan akhlak dalam Islam?

- I Ilmu yang membincangkan hubungan antara manusia dan alam
- II Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk membersihkan hati seseorang
- III Keadaan kejiwaan yang akan membentuk tingkah laku seseorang manusia
- IV Ilmu yang menyarankan cara-cara untuk menghiasi hati dengan sifat-sifat baik dan membersihkannya dari sifat-sifat yang keji

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA



Soalan 6 berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 1**.

Pernyataan 1

Di Alam Melayu, sebuah keluarga dibina berdasarkan proses perkahwinan yang sah menurut agama, sebaliknya di Belanda keluarga boleh dibentuk walaupun melalui perkahwinan antara sesama jenis atau tanpa proses penglibatan agama.

S6 Nyatakan nilai moral yang sesuai bagi Pernyataan 1.

- A Relatif
- B Mutlak
- C Objektif
- D Subjektif

S7 Pilih kenyataan yang benar tentang konsep akhlak.

- I Konflik dan pergolakan memberi kesan terhadap akhlak
 - II Akhlak yang baik hanya akan lahir daripada jiwa yang bersih
 - III Kemuncak akhlak adalah apabila perbuatan baik dilakukan secara konsisten
 - IV Kanak-kanak harus dilatih dan didedahkan dengan nilai akhlak yang baik sejak kecil lagi
-
- A I, II dan IV sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S8 Apakah faktor yang menyebabkan kasih sayang dalam institusi kekeluargaan semakin luntur dewasa ini?

- I Media
 - II Ekonomi
 - III Pendidikan
 - IV Suburnya semangat individualistik
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA



SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S9 Apakah asas-asas akhlak Islam?

- I Tradisi Islam
- II Ajaran al-Quran
- III Undang-undang Islam
- IV Hadis Nabi Muhammad S.A.W.

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S10 Apakah sumber dan rujukan utama sistem moral Barat?

- I Akal
- II Nilai
- III Norma
- IV Agama

- A I dan III sahaja
- B I, II dan III sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S11 Manakah antara berikut dapat menjelaskan perbezaan antara akhlak dan moral?

- I Nilai-nilai akhlak bersifat sempurna manakala nilai-nilai moral bersifat tetap
- II Nilai-nilai akhlak ditentukan oleh Allah S.W.T. melalui al-Quran dan tunjuk ajar oleh Rasulullah S.A.W. manakala moral ditentukan oleh manusia
- III Akhlak merupakan satu sistem yang menilai tindakan zahir dan batin manusia manakala moral ialah satu sistem yang menilai tindakan zahir manusia sahaja
- IV Akhlak merangkumi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan Allah S.W.T., manusia dengan manusia serta manusia dengan makhluk lain manakala moral mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dalam hubungan manusia dengan manusia sahaja

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S12 Apakah yang dimaksudkan dengan etika?

- I Satu set peraturan yang merujuk kepada perbuatan seseorang manusia
 - II Satu disiplin yang menentukan sama ada sesuatu perbuatan itu baik atau buruk
 - III Satu disiplin yang dapat memberi maklumat kepada kita apakah yang sedang diamalkan oleh kelompok tertentu
 - IV Satu set peraturan tetap yang diwujudkan sebagai panduan kepada manusia untuk menjamin kehidupan yang harmoni
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S13 Manakah antara kenyataan berikut benar tentang konsep insan bermoral?

- I Menjadikan diri sebagai teladan kepada orang lain
 - II Mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian
 - III Memiliki tahap piawaian lebih tinggi daripada orang biasa
 - IV Manusia yang dapat membezakan antara nilai yang baik dan buruk
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S14 Pilih kenyataan yang benar tentang moral dan undang-undang.

- I Moral dan undang-undang mempunyai hubungan yang erat
 - II Ada perbuatan yang bermoral tetapi salah di sisi undang-undang
 - III Undang-undang tanpa asas moral akan menjadi undang-undang yang hilang kekuatannya
 - IV Perbuatan mentertawakan orang cacat tidak salah di sisi undang-undang tetapi salah dari segi moral
-
- A I, II dan IV sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

Soalan 15 hingga 17 adalah pandangan agama terhadap moral. Pilih jawapan yang betul merujuk kepada senarai agama-agama dalam **Jadual 1**.

Jadual 1

A	Agama Islam
B	Agama Hindu
C	Agama Kristian
D	Agama Buddha

- S15** Moral adalah ajaran mengenai kesan baik atau buruk dari semua jenis kehendak manusia sama ada dari segi tindakan, pemikiran atau pertuturan.
- S16** Moral adalah ajaran yang memimpin manusia kepada kemutlakan moral, kehormatan manusia dan penebusan dosa.
- S17** Moral adalah perbuatan yang tidak melanggar batas-batas peraturan akhlak yang ditetapkan dan penilaiannya adalah mutlak.
- S18** Pilih pernyataan berikut yang merujuk kepada kepentingan berakhlak mulia.
- I Dicintai rakan
 - II Menggambarkan jiwa seseorang
 - III Memberatkan timbangan amalan
 - IV Menunjukkan kesempurnaan iman
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S19** Apakah sandaran utama perlakuan seorang agen moral?
- A Akal
 - B Norma
 - C Situasi
 - D Nilai agama

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S20 Pilih akhlak *mazmumah* menurut perspektif Islam.

- I Tamak
- II Zuhud
- III Mendera haiwan
- IV Menderhaka kepada ibubapa

- A I dan II sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S21 Apakah kesan terhadap masyarakat jika nilai-nilai akhlak yang luhur tidak diamalkan oleh pemimpin?

- I Hidup tiada haluan
- II Kejahatan berleluasa
- III Subur sifat cintakan dunia
- IV Manusia bertuhankan hawa nafsu

- A I, II dan IV sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S22 Manakah antara berikut merupakan manfaat rakan sebaya?

- I Menjadi cermin diri
- II Menutup keaiban rakan
- III Memberi pandangan ketika menghadapi masalah
- IV Melihat sesuatu perkara dari sudut yang berlainan

- A I, II dan IV sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

- S23** Pilih kenyataan yang benar tentang etika Greek kuno?
- A Plato berpendapat bahawa manusia perlu meniru etika ketuhanan untuk menjadi insan bermoral
 - B Aristotle menyatakan cara terbaik untuk bermoral adalah menjadikan diri sebagai contoh ikutan dan teladan yang baik
 - C Antistenes menyatakan cara untuk mencapai etika yang mulia adalah dengan menggunakan segala kekuatan akal dan fikiran
 - D Socrates mengemukakan ajaran etika dengan menggalakkan setiap manusia menuntut ilmu pengetahuan untuk menjadi seorang yang bermoral
- S24** Pilih rubrik pengukuran keseronokan dan kesengsaraan Kalkulus Hedonistik Bentham.
- I Kelamaan
 - II Kesakitan
 - III Kedalaman
 - IV Keberkesanan
- A I dan IV sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 25 berdasarkan situasi dalam **Pernyataan 2**.

Pernyataan 2

Langkah kerajaan memperkenalkan cukai GST bermula pada bulan April tahun 2015 adalah tanggungjawab kerajaan bagi mengukuhkan ekonomi negara.

- S25** Apakah teori yang tepat bagi Pernyataan 2?
- A Teori Egoisme
 - B Teori Teleologi
 - C Teori Deontologi
 - D Teori Utilitarianisme

TERBUKA

- S26** Pilih kenyataan yang benar tentang aliran Egoisme.
- A Diasaskan oleh Heidegger
 - B Dikenali sebagai Teori Kemoralan Sosial
 - C Pangkat dan kuasa adalah matlamat akhir kehidupan ini
 - D Perbuatan yang memberi keuntungan kepada pelakunya adalah bermoral



SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S27 Apakah prinsip utama aliran Utilitarianisme?

- A Matlamat menghalalkan cara
- B Manusia perlu bersifat tamak dalam mencari kekayaan
- C Tugas dan tanggungjawab dilaksanakan berdasarkan kepentingan peribadi
- D Setiap manusia seharusnya memaksimumkan kebahagiaan dan meminimumkan kesengsaraan

S28 Apakah maksud *slave morality* menurut Nietzsche?

- A Kemahuan menjadi orang yang berkuasa
- B Kepatuhan kepada nilai-nilai murni agama
- C Menjadikan diri sebagai hamba masyarakat
- D Kemahuan untuk bebas daripada sistem moral

S29 Pilih nama lain bagi Teori Teleologi.

- A Humanisme
- B Connectionisme
- C Consequentialisme
- D Logical Positivism

S30 Apakah pemikiran yang dibawa oleh aliran Eksistentialisme?

- A Tuhan itu wujud dan berkuasa ke atas manusia
- B Manusia tetap akan berjaya tanpa sebarang usaha
- C Manusia dibebankan dengan Dosa Warisan (*Original Sin*)
- D Nilai yang dipatuhi manusia mestilah bersifat individualistik

S31 Apakah elemen yang mempengaruhi perjalanan hidup seseorang manusia menurut Jean Paul Sartre?

- A Takdir dirinya
- B Ketentuan tuhan
- C Pilihannya sendiri
- D Makna penciptaannya

TERBUKA



SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702


S32 Manakah antara berikut merupakan asas utama prinsip kewajipan yang dikemukakan oleh Immanuel Kant?

- A Sejagat
- B Rasional
- C Kerohanian
- D Kemanusiaan

S33 Apakah maksud Deontologi?

- A Akibat
- B Matlamat
- C Kewajipan
- D Kebahagiaan

Soalan 34 adalah berdasarkan situasi dalam **Rajah 1**.



S34 Apakah yang sesuai diletakkan di petak X dan Y dalam Rajah 1?

- A Tindakan dan Peraturan
- B Moral Sosial dan Moral Personal
- C Eksistensialisme dan Humanisme
- D Prinsip Kewajipan dan Etika Situasi

S35 Manakah antara teori berikut yang menyatakan bahawa penilaian terhadap sesuatu perbuatan itu dibuat berdasarkan akibat daripada perbuatan tersebut?

- A Teleologi
- B Deontologi
- C Utilitarianisme
- D Eksistensialisme

TERBUKA



S36 Manakah situasi berikut termasuk dalam teori Deontologi?

- I Doktor Goh berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan seorang pesakit yang ditimpa kemalangan
 - II Amir memecahkan cermin kereta untuk menyelamatkan seorang bayi yang terkunci di dalam kereta
 - III Encik Adlan tidak dapat menghadiri kelas moral kerana terpaksa menghadiri program bersama menteri
 - IV Encik Musa merupakan seorang pegawai polis yang sanggup berkorban nyawa demi menyelamatkan orang awam
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S37 Pilih pernyataan yang benar mengenai teori Teleologi.

- I Berasal daripada perkataan Yunani "telos" bererti akhir atau akibat
 - II Sesuatu tindakan atau peraturan dianggap bermoral jika jumlah kebaikan yang dihasilkan melebihi kejahatan
 - III Asas piawaian tentang sesuatu tindakan yang betul, salah, baik, buruk dan jahat adalah mengikut hati nurani setiap individu
 - IV Hasil perbuatan yang baik boleh ditafsirkan sebagai perkara yang boleh menguntungkan diri sendiri dan membuatkan orang lain bahagia
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA



S38 Manakah pernyataan yang tepat mengenai prinsip etika Sekularisme?

- I Memperbaiki kehidupan dengan cara kebendaan
 - II Apa sahaja yang dianggap baik dan rasional maka ia adalah baik untuk dilakukan
 - III Sumber kekayaan negara dibahagi dan dinikmati oleh seluruh rakyat secara sama rata
 - IV Agama dan kepercayaan tidak dianggap sebagai sumber rujukan dalam memahami segala hal ehwal keduniaan
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV


S39 Apakah faktor-faktor yang membawa kepada kemunculan fahaman Sekularisme?

- I Teori-teori palsu mengenai sains dicipta
 - II Agama mula ditolak oleh masyarakat di zaman abad pertengahan
 - III Pihak gereja menyalahgunakan kuasa dan bertindak zalim terhadap rakyat
 - IV Tindakan kaum Yahudi yang cuba melakukan pemberontakan bagi meruntuhkan kepercayaan masyarakat terhadap agama Kristian
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S40 Manakah antara kenyataan berikut adalah benar tentang kelemahan sistem moral Barat?

- I Sistem ini berubah-ubah mengikut zaman
 - II Sistem ini bercorak keduniaan tanpa nilai-nilai agama
 - III Sistem ini mempunyai kekuatan (*moral force*) yang mendorong manusia melakukan kebaikan
 - IV Sistem ini membawa pandangan yang bebas, bersifat subjektif dan tidak mempunyai nilai yang mutlak
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA



SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S41 Bagaimanakah cara untuk mengawal hawa nafsu menurut ajaran Islam?

- I Berusaha
 - II Berpuasa
 - III Beribadah
 - IV Bermeditasi
-
- A II dan III sahaja
 - B II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S42 Apakah dua pembahagian akhlak dalam agama Islam?

- A *Mahmudah* dan *makruhah*
- B *Makruhah* dan *mazmumah*
- C *Mahmudah* dan *mamduhah*
- D *Mazmumah* dan *mahmudah*

S43 Pilih kenyataan yang benar tentang kesan sifat zuhud.

- I Menggalakkan sifat negatif
 - II Menjauhi dunia dan keduniaan
 - III Mengelakkan jenayah berleluasa
 - IV Mencintai Allah S.W.T. dan RasulNya
-
- A I dan III sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S44 Siapakah pengarang kitab *Tahzib al-Akhlak*?

- A Al-Ghazali
- B Ibnu Hazmi
- C Al-Khawarizmi
- D Ibnu Maskawaih

TERBUKA



S45 Manakah antara berikut merupakan sifat ketuhanan?

- I Sabar
- II Ikhlas
- III Berani
- IV Saksama

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S46 Manakah antara berikut bukan termasuk dalam Sepuluh Rukun (*The Ten Commandments*) Perjanjian Lama (*The Old Testament*)?

- A Jangan berzina
- B Jangan mencuri
- C Jangan minum arak
- D Jangan bersaksi palsu

S47 Pilih konsep penting dalam ajaran agama Kristian.

- I Triniti
- II Baptis
- III Monastri
- IV Pengakuan dosa

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S48 Nyatakan tiga ajaran utama Konfusianisme yang menekankan peningkatan moral.

- A Ren, Yi dan Li
- B Zhi, Xin dan Wu Chang
- C Ba de, Xiong dan Wu Lun
- D Wu Chang, Wu Lun dan Ba De

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

- S49** Apakah pegangan yang harus diikuti oleh penganut ajaran Konfusianisme berdasarkan konsep *Shu*?
- A Bertoleransi
 - B Berpegang kepada janji
 - C Menjaga kesopanan dan kesusilaan
 - D Mempunyai kebijaksanaan dan berpengetahuan dalam pelbagai aspek
- S50** Apakah nilai yang menyeru kepada sikap penyayang kepada manusia dan haiwan dalam tradisi etika Hindu?
- A Dhano dan dhruthi
 - B Dharma dan ahimsa
 - C Dhruthi dan dharma
 - D Ahimsa dan kahamaa
- S51** Pilih jawapan yang benar mengenai konsep *kamma* dalam agama Buddha.
- A Kesetiaan
 - B Kebahagiaan
 - C Akibat perbuatan lampau
 - D Tanda penghapusan segala penderitaan
- S52** Apakah yang dimaksudkan dengan konsep *dukkha* dalam ajaran agama Buddha?
- A Menghapuskan penderitaan
 - B Mencapai kebahagiaan hidup
 - C Membebaskan diri daripada nafsu dan mencapai kebahagiaan yang hakiki
 - D Mengetahui punca timbulnya penderitaan dan kaedah mengubati penderitaan itu
- S53** Apakah empat perkara yang terkandung dalam ajaran Jalan Lapan Lapis Mulia (*Eight Right Path*)?
- A Pekerjaan yang betul, usaha yang betul, tumpuan yang betul, tekad yang betul
 - B Pandangan yang betul, fikiran yang betul, pertuturan yang betul, perbuatan yang betul
 - C Pandangan yang betul, penglihatan yang betul, pengetahuan yang betul, penelitian yang betul
 - D Penderitaan yang betul, kesengsaraan yang betul, kebahagiaan yang betul, keharmonian yang betul

Soalan 54 hingga 56 adalah berdasarkan kandungan kitab Veda dalam **Jadual 2**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

A	Rig Veda
B	Sama Veda
C	Yajur Veda
D	Atharva Veda

- S54** Kitab yang mengandungi nyanyian pemujaan di kuil Hindu.
- S55** Kitab yang mengandungi peraturan-peraturan pendita, kaedah-kaedah pengubatan, mantera-mantera, kuasa-kuasa ghaib dan sihir.
- S56** Kitab yang mengandungi rumusan tentang mantera suci yang dilafazkan ketika upacara korban.
- S57** Pilih maksud *asteya* dalam etika agama Hindu.
- A Sabar
 - B Tidak mencuri
 - C Menepati masa
 - D Bersopan santun
- S58** Manakah antara nilai berikut mempunyai maksud yang sama?
- I Saucha dan li
 - II Sathya dan zhi
 - III Tepaha dan xiao
 - IV Iswariaparanidha dan ren
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II, dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

- S59** Apakah piagam yang perlu dipatuhi oleh penjawat awam ketika berurusan dengan orang ramai?
- A Piagam Pejabat
 - B Piagam Pengguna
 - C Piagam Pelanggan
 - D Piagam Organisasi
- S60** Apakah kepentingan etika dalam perniagaan?
- A Panduan kepada peniaga supaya dapat membayar cukai perniagaan
 - B Panduan peniaga untuk memiliki nilai etika yang baik dalam perniagaan
 - C Panduan kepada peniaga supaya boleh menjual barang dengan harga yang murah
 - D Panduan kepada peniaga untuk mengaut keuntungan yang besar dalam perniagaan
- S61** Bagaimanakah amalan rasuah boleh membawa impak negatif kepada negara Malaysia?
- I Institusi keluarga akan terjejas
 - II Kos sara hidup menjadi semakin mahal
 - III Pemimpin tidak mampu untuk mentadbir negara dengan baik
 - IV Negara tidak akan aman kerana kes jenayah dan kekacauan berleluasa dalam masyarakat
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S62** Apakah yang dimaksudkan dengan Kod Etika Profesional?
- A Kod yang memberi panduan bagi menangani masalah-masalah dalam pekerjaan
 - B Kod yang boleh mengurangkan tekanan para profesional dalam pekerjaan seharian
 - C Kod yang boleh memastikan bahawa sasaran *Key Performance Indicator* (KPI) tercapai
 - D Kod yang menggariskan apa yang harus dibuat dan tidak harus dibuat oleh pengamal profesyen berkenaan

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

- S63** Apakah tiga bentuk salah laku utama penjawat awam yang bertentangan dengan kod etika profesional?
- A Rasuah, mencuri dan penderaan
 - B Salahguna kuasa, rasuah dan penipuan
 - C Berniaga, tidak berdisiplin, ponteng kerja
 - D Sumbang mahram, penipuan dan salahguna kuasa
- S64** Nyatakan pembahagian konflik moral.
- A Konflik Intrapersonal dan Hierarki
 - B Konflik Intrapersonal dan Konflik Pencairan
 - C Konflik Intrapersonal dan Konflik Kompromi
 - D Konflik Intrapersonal dan Konflik Interpersonal
- S65** Apakah maksud Konflik Intrapersonal?
- A Konflik yang terjadi kepada semua orang dewasa
 - B Konflik yang berlaku kerana perbezaan pendapat daripada dua pihak
 - C Konflik yang melibatkan percanggahan nilai moral antara dua pihak atau lebih
 - D Konflik yang terjadi dalam diri seseorang individu tanpa melibatkan orang lain
- S66** Manakah jenis strategi penyelesaian konflik yang sesuai digunakan oleh semua individu tanpa mengira lapisan umur?
- I Kompromi
 - II Pencairan Masalah
 - III Pembinaan Hierarki
 - IV *Theory of Constraint* (TOC)
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S67 Bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar?

- I Mengamalkan konsep 3R iaitu *Reduce, Reuse* dan *Recycle*
 - II Menjalin hubungan harmonis antara manusia dengan alam sekitar
 - III Menggunakan tenaga dan bahan api secara konsisten untuk keselesaan keluarga
 - IV Menggunakan penghawa dingin sepanjang masa untuk menjamin keselesaan di tempat kerja
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja

S68 Mengapakah penerapan nilai integriti amat penting dalam sesuatu organisasi?

- A Mengelak penyalahgunaan kuasa
- B Meningkatkan produktiviti dalam organisasi
- C Memupuk kasih sayang antara satu sama lain
- D Mengintegrasikan setiap individu dalam organisasi

S69 Pilih fungsi Kod Etika Profesional.

- I Memberikan gambaran kepada semua pihak tentang imej positif setiap profesion
 - II Memberi gambaran kepada semua pihak tentang integriti profesion masing-masing
 - III Memberikan gambaran panduan kepada profesional tentang kejujuran dan maruah profesion
 - IV Memberi gambaran kepada ahli profesional tentang satu standard etika yang tinggi untuk dipatuhi
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S70 Apakah penyebab berlakunya konflik moral?

- I Peraturan
- II Kepercayaan
- III Percanggahan nilai
- IV Sistem pemerintahan

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S71 Manakah antara berikut merupakan cara yang digunakan untuk menyelesaikan konflik moral dengan menggunakan kaedah *Theory of Constraint* (TOC)?

- I Mendapat pandangan daripada pihak lain dan menyelesaikan konflik moral yang dihadapi
- II Membantu seseorang individu untuk memahami dan berusaha untuk memikirkan kesan sesuatu tindakan
- III Memerlukan seseorang individu mengambil tindakan untuk mencapai matlamat secara bersama dan bersefahaman
- IV Menghasilkan tindakan dan keputusan yang diambil mampu menguntungkan kedua-dua pihak yang mengalami konflik

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S72 Apakah ciri-ciri ahli profesional yang mempunyai inisiatif tinggi?

- A Mereka yang menjalankan tugas dengan beban yang tinggi
- B Mereka yang melaksanakan tugas setelah diarahkan oleh pihak atasan
- C Mereka yang mempunyai kuasa untuk mengarahkan sesuatu kerja atau tugas
- D Mereka yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa diarah melakukannya

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S73 Apakah strategi yang boleh dilakukan untuk menangani konflik moral?

- I Pemikiran yang terbuka
 - II Mengambil kira segala kepentingan sebelum membuat keputusan
 - III Membuat keputusan sendiri tanpa memikirkan pandangan orang lain
 - IV Pemikiran yang mendalam dan terperinci dalam usaha menyelesaikan konflik
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S74 Pilih punca-punca yang menyebabkan isu keruntuhan akhlak berlaku.

- I Ekonomi
 - II Pengaruh laman sosial
 - III Pengaruh rakan sebaya
 - IV Sifat ingin tahu dan mencuba
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S75 Apakah cara yang berkesan bagi mengatasi masalah perzinaan yang berlaku di Malaysia?

- I Memperkasakan didikan agama
 - II Mengadakan kempen melalui laman sosial
 - III Melibatkan ibu bapa dalam mendidik anak-anak
 - IV Penglibatan kerajaan dalam menggubal dan menguatkuasakan undang-undang
-
- A I dan IV sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S76 Apakah teori yang diasaskan oleh Charles Robert Darwin?

- A Evolusi
- B Deontologi
- C Psikoanalisis
- D Penyelesaian Konflik

S77 Susun tahap-tahap perkembangan berlakunya konflik mengikut turutan yang betul.

- I Akibat konflik
- II Konflik dikesan
- III Konflik disedari
- IV Konflik terpendam

- A I, II, III dan IV
- B I, III, IV dan II
- C IV, II, III dan I
- D III, I, IV dan II

S78 Manakah antara pernyataan berikut mempunyai hubungan dengan maksud integriti?

- I Berkait rapat dengan etika
- II Berkait rapat dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi
- III Berkait rapat dengan sifat jujur dan sentiasa berpegang kepada kebenaran
- IV Berkait rapat dengan kualiti unggul yang wujud secara bersepadu pada individu dan organisasi

- A I dan II sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S79 Apakah kesan buruk yang dibawa oleh Sigmund Freud melalui teori "*Oedipus Complex*" terhadap pegangan nilai moral generasi muda masa kini?

- I Penolakan terhadap agama
- II Seks bebas berleluasa dalam masyarakat
- III Generasi muda hidup tanpa batasan dan nilai moral
- IV Pengaruh sekular menular dalam kalangan generasi muda

- A I dan II sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

TERBUKA

SULIT

UQI 10202/ UQI 10702/ UWA 10202/ UWA 10702

S80 Apakah teori yang menggalakkan amalan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Malaysia?

- I Evolusi
 - II Hedonisme
 - III Psikoanalisis
 - IV Eudamonisme
-
- A I dan II sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA